Sinar Harian - 9 Mac 2016 -

Larian 3F terap gaya hidup sihat warga kampus

GONG BADAK – Kira-kira 500 pelajar menyertai Larian Komuniti 3F (Fast. Fit. Furious) anjuran Persatuan Pelajar Perubatan Unisza (Medisza) dan Majlis Kolej Kediaman D Unisza di sini.

Aktiviti larian yang diadakan itu bertujuan untuk memupuk semangat kesukanan, kerjasama dan perpaduan antara warga kampus serta masyarakat sekeliling, di samping mempromosikan Fakulti Perubatan Unisza.

Ketua Unit, Unit Sukan Prestasi Tinggi Terengganu, A. Zulkefli Mohamad berkata, program yang diadakan itu telah memberi impak yang besar melalui penglibatan peserta daripada tiga kampus iaitu Kampus Gong Badak, Kampus Kota dan Kampus Tembila.

"Penganjuran larian ini berjaya mengajak semua peserta khususnya komuniti sekitar untuk mengamalkan gaya hidup yang sihat, selain membuka peluang untuk mereka bersaing secara sihat.

"Di samping itu juga, turut diadakan aktiviti sampingan yang lain seperti jualan makanan, pemeriksaan kesihatan secara percuma bagi mengetahui tahap kesihatan masing-masing yang dijalankan sendiri oleh pelajar jurusan perubatan," katanya ketika ditemui sebaik selesai larian berkenaan.

Sebahagian peserta yang terlibat dalam Larian Komuniti 3F.